

Kelayakan Pengeluaran

Institut Pengajian Tinggi (IPT)	Institusi Pemberi Pinjaman (IPP)
Bayaran kepada ahli (tuntutan resit dalam masa setahun) ATAU bayaran kepada IPT (yuran yang belum dijelaskan)	Bayaran kepada IPP sahaja
Yuran pengajian setiap semester ATAU setiap tahun	Mempunyai baki pinjaman pendidikan
Jumlah yuran pengajian ATAU semua akaun 2 mengikut mana yang rendah	Jumlah baki pinjaman pendidikan ATAU semua akaun 2 mengikut mana yang rendah
Yuran pengajian yang tiada tajaan ATAU mempunyai sebahagian sahaja	IPP yang dibenarkan oleh KWSP sahaja

Kaedah Bayaran

Bayaran Dalam Malaysia

Bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank ahli dengan syarat :

- Ahli mempunyai akaun bank yang aktif dengan panel KWSP yang dilantik ;
- Nombor pengenalan diri ahli adalah sama dengan rekod bank ;
- Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM) ; **DAN**
- Sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank ahli, bayaran akan dibuat melalui Cek Jurubank

Bayaran Luar Malaysia

Bayaran adalah melalui Draf Bank Asing. Jenis matawang adalah seperti berikut :

- Matawang asing mengikut pilihan ahli di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; **ATAU**

- Dalam matawang US Dollar sekiranya jenis matawang yang dipohon oleh ahli dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing

Dokumen Diperlukan

- Borang Pengeluaran KWSP 9H (AHL)
- Salinan dokumen pengeluaran diri (jika bukan pemegang MyKad)
- Maklumat Akaun Bank (Ahli digalakkan membawa Buku Bank / Penyata Akaun Simpanan **ATAU** Penyata Akaun Semasa **ATAU** Surat Pengesahan Bank Mengenai Butiran Pemegang **ATAU** Cetakan Butiran Pemegang Akaun melalui Laman Web.
- Borang KWSP 3 (pindaan) - jika pengecaman cap ibujari gagal di kaunter / permohonan melalui pos

Dokumen Sokongan

- Sila rujuk Senarai Semak Dokumen Pengeluaran Pendidikan untuk semua dokumen yang diperlukan di laman web KWSP dan kaunter
- KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan dan menolak permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan

Nota Amaran


Membuat Kenyataan Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu


Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007]

Maklumat Terkini Mengenai Pengeluaran Pendidikan Boleh Didapati Di Laman Web Rasmi KWSP

Pengeluaran Pendidikan

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Layari
www.kwsp.gov.my
atau Hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan
03-89226000

 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

 KWSPBuzz



KWSP | EPF





Pengeluaran Ini Membolehkan Ahli Mengeluarkan Simpanan Akaun 2 Untuk Membiayai Yuran Pengajian Ahli / Anak Ahli (Termasuk Anak Tiri Dan Anak Angkat) Di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Di Dalam Atau Di Luar Negara

■ Kelayakan Memohon

1. Ahli bertaraf Warganegara Malaysia ATAU bukan Warganegara Malaysia
2. Ahli belum mencapai umur 55 pada tarikh permohonan
3. Ahli mempunyai simpanan dalam Akaun 2

■ Syarat-syarat Pengeluaran

1. **Program Pengajian Yang Dibenarkan**
Ahli / anak ahli telah mendaftar untuk pengajian akademik / professional / kemahiran / vokasional di IPT yang dibenarkan
2. **Peringkat Pengajian Yang Dibenarkan**
Ahli / anak ahli mestilah mengikuti pengajian peringkat Diploma, Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah atau yang setara dengannya

3. Kategori Pengeluaran

- Pengeluaran untuk diri sendiri bagi membiayai yuran pengajian ATAU menyelesaikan baki pinjaman pendidikan
- Pengeluaran bersama suami/ isteri bagi membiayai yuran pengajian anak
- Pengeluaran bersama suami/ isteri bagi menyelesaikan baki pinjaman pendidikan anak

4. Kategori Pengajian

- IPT dalam negara - pengajian secara sepenuh masa, separuh masa, program jarak jauh dan francais yang diluluskan
- IPT luar negara - pengajian sepenuh masa sahaja

5. Yuran Pengajian

- Semua jenis bayaran yang dikenakan oleh IPT termasuk yuran hostel dan kos tiket penerbangan sehala ketika mendaftar di tahun pertama

6. Kekerapan Pengeluaran

- Setiap semester ATAU setiap tahun bagi ahli DAN / ATAU bagi setiap seorang anak
- Dalam masa 3 tahun dari tarikh tamat pengajian bagi bayaran yang tertunggak di IPT